NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

| Jil. 77<br>No. 33 | **15hb Ogos 2024** | *TAMBAHAN No. 12*<br>*PERUNDANGAN* |
|---|---|---|

**Pk. P.U. 14.**

## AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

### KAEDAH-KAEDAH CAJ PEMAJUAN NEGERI PERAK (PINDAAN) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 35 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*], Pihak Berkuasa Negeri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Perak (Pindaan) 2024**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada tarikh penyiarannya dalam *Warta*.

**Kaedah baharu 8**

2. Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Perak 2013 [*Pk.P.U.63/2013*], yang disebut "Kaedah-Kaedah ibu" dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 7, kaedah yang berikut:

**"Pembayaran balik caj pemajuan**

8. (1) Pihak berkuasa perancang tempatan boleh, dalam menimbang tuntutan pampasan di bawah subseksyen 25(7) Akta oleh orang yang kebenaran merancangnya

dibatalkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan, mengambil kira amaun caj pemajuan yang telah dibayarnya.

(2) Tiada pembayaran balik caj pemajuan dibenarkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan kepada mana-mana orang dalam keadaan berikut—

*(a)* ingin menarik balik kebenaran merancang yang telah diberikan di bawah subseksyen 22(1) Akta; atau

*(b)* kebenaran merancang yang diberikan di bawah subseksyen 22(1) Akta telah luput di bawah seksyen 24 Akta."

**Pindaan Jadual Pertama**

3. Jadual Pertama Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "7%" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "10%".

**Pindaan Jadual Ketiga**

4. Jadual Ketiga Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

*(a)* dengan memotong perkataan "dan" dalam butiran 5;

*(b)* dengan memasukkan selepas butiran 5, butiran-butiran yang berikut:

"6. Pecah bahagi dan pecah sempadan bagi mendapatkan hakmilik individu bukan untuk tujuan pembangunan;

7. Pecah sempadan untuk ahli keluarga atau pembahagian harta pusaka; dan"-; dan

*(c)* dengan menomborkan semula butiran 6 sebagai butiran 8.

Dibuat 18 Julai 2024
[JPBD.Pk.8/AKTA/1008 JLD.4; PU.Pk. 44/80(ix)]

ABDUL MAJID BIN ABDUL RAHIM
*Setiausaha*
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*
*Perak Darul Ridzuan*

TOWN AND COUNTRY PLANNING ACT 1976

DEVELOPMENT CHARGE STATE OF PERAK (AMENDMENT) RULES 2024

IN exercise of the powers conferred by section 35 of the Town and Country Planning Act 1976 [*Act 172*], the State Authority makes the following rules:

**Citation and commencement**

1. (1) These rules may be cited as the **Development Charge State of Perak (Amendment) Rules 2024**.

(2) These Rules come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

**New rule 8**

2. The Development Charge State of Perak Rules 2013 [*Pk.P.U.63/2013*], which are referred to as "the principal Rules" in these Rules, are amended by inserting after rule 7, the following rule:

**"Reimbursement of development charge**

8. (1) The local planning authority may, in considering the compensation claimed under subsection 25(7) of the Act by person whose planning permission has been revoked by the local planning authority, take into account the amount of development charge that he has paid.

(2) No reimbursement of development charges is allowed by the local planning authority to any person in such event:

*(a)* to withdraw the planning permission granted under subsection 22(1) of the Act; or

*(b)* the planning permission granted under subsection 22(1) of the Act has lapsed under section 24 of the Act."

**Amendment of First Schedule**

3. The First Schedule of the principal Rules is amended by substituting for the word "7%" wherever appearing the word "10%".

**Amendment of Third Schedule**

4. The Third Schedule of the principal Rules is amended—

*(a)* by deleting the word "and" in item 5;

*(b)* by inserting after item 5, the following items:

"6. Subdivision and partition to obtain individual title not for development purposes;

7. Partition for family members or estate distribution; and"; and

*(c)* by renumbering item 6 as item 8.

Dated 18 July 2024
[JPBD.Pk.8/AKTA/1008 JLD.4; PU.Pk. 44/80(ix)]

ABDUL MAJID BIN ABDUL RAHIM
*Secretary*
*State Executive Council*
*Perak Darul Ridzuan*

PNMB

**Hakcipta Pencetak Ⓗ**
**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA